

Amalan Pedagogi Berasaskan Bukti: Kompilasi Kajian Tindakan

Editor

Profesor Madya Dr Vishalache Balakrishnan
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Assistant Professor Dr Nazatul Akmar Mokhtar
Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia

Professor Madya Dr Nadarajan Thambu
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Panggilan Kertas Kajian Tindakan

Amalan pedagogi berasaskan bukti memberi gambaran konseptual tentang proses membuat keputusan yang melibatkan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan bukti konkrit daripada kajian literatur saintifik, atau pengumpulan data daripada pelbagai kaedah, khususnya kajian tindakan (Elliot, 2004). Buku ini bersandarkan kajian tindakan kerana ia menggabungkan kaedah yang melibatkan penglibatan komuniti dan menggalakkan para pendidik untuk mereflek dan mengadaptasi amalan pengajaran sendiri mereka. Aspek utama dalam kajian tindakan adalah penggunaan teori yang menggalakkan inkuiri dan asimilasi dapatan kajian ke dalam amalan-amalan pedagogi (Colucci-Gray et al., 2013). Oleh itu, penulisan kajian tindakan merupakan contoh penting bagi amalan pedagogi berasaskan bukti.

Malaysia Action Research Network (MARNet) dan Centre for Research in International and Comparative Education (CRICE), Universiti Malaya menjemput para guru, pendidik, pensyarah dan pengamal yang merupakan ahli MARNet untuk menyumbangkan penulisan kajian tindakan dalam buku ini. "Amalan Pedagogi Berasaskan Bukti: Kompilasi kajian tindakan" bermatlamatkan untuk merungkai teori-teori pembelajaran, bukti kajian, dan mengenal pasti implikasi praktikal terhadap amalan pedagogi. Ini bertujuan untuk membolehkan para pengamal mereka bentuk pendekatan pedagogi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menyertakan bukti empirikal dan contoh praktikal.


Sebanyak 30 manuskrip akan diterima, disemak dan disunting. Manuskrip ini boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, dan menggunakan kata ganti nama pertama. Penggunaan bahasa yang berbentuk naratif amat digalakkan. Jika berminat, abstrak hendaklah dihantar ke research@marnet.my pada **28 Februari 2022**. Manakala, manuskrip penuh mestilah ditulis dalam 2,500 patah perkataan dan dihantar pada **30 April 2022**. Format berikut disertakan sebagai panduan penulisan manuskrip yang berstruktur. Sebarang pertanyaan, sila emel research@marnet.my.

Abstrak

200 patah perkataan yang merumuskan kajian tindakan melibatkan fasa tinjauan awal, merancang, bertindak dan memerhati, dan mereflek (Kemmis & McTaggart, 1988).

Pengenalan

200 patah perkataan tentang pengenalan diri dan konteks spesifik dimana kajian telah dilaksanakan.



Tinjauan Awal

400 patah perkataan yang menerangkan tentang isu keprihatinan yang berkaitan dengan amalan pedagogi berserta faktor dan kesan-kesannya sekiranya isu tersebut diabaikan atau tidak diambil perhatian.

Merancang

400 patah perkataan diceritakan secara naratif tentang perancangan dalam mengatasi isu keprihatinan yang dikenal pasti berdasarkan teori tertentu, model atau kerangka kerja daripada kajian-kajian lepas.

Melaksana dan Memerhati

400 patah perkataan diceritakan secara terperinci tentang bagaimana pelaksanaan intervensi diamalkan dan disertakan dengan bukti dalam bentuk foto atau artifak.

Mereflek

400 patah perkataan untuk mereflek tentang apa yang dipelajari daripada pelaksanaan intervensi, sama ada isu tersebut telah selesai atau belum, dan penambahbaikan yang akan dilakukan pada masa akan datang.

Kesimpulan

200 patah perkataan yang merumuskan kajian tindakan yang dilaksanakan dan bagaimana kajian tersebut telah memberi impak terhadap amalan pedagogi pengamal.

Rujukan

Masukkan rujukan dalam teks dan sediakan senarai rujukan mengikut gaya APA 7th (disertakan pautan DOI). Minimum 10 rujukan hendaklah dinyatakan dalam teks utama dan dimasukkan dalam senarai rujukan di akhir penulisan.

Rujukan

- Colucci-Gray, L., Das, S., Gray, D., Robson, D., & Spratt, J. (2013). Evidence-based practice and teacher action-research: A reflection on the nature and direction of 'change'. *British Educational Research Journal*, 39(1), 126-147. <https://doi.org/10.1080/01411926.2011.615389>
- Elliott, J. (2004). Using research to improve practice: The notion of evidence-based practice. In C., Day & J., Sachs (Eds), *International Handbook on the Continuing Professional Development of Teachers*. McGraw-Hill Education.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner* (3rd ed). Deakin University Press.
- McNiff, J. (2017). *Action Research: All You Need to Know*. Routledge.